

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12.03.2018

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) sama ada Bank Negara Malaysia telah membuat bayaran penuh untuk pembelian tanah yang bernilai RM2 bilion; dan
- (b) bayaran tersebut telah dibuat secara langsung kepada siapa. Kementerian Kewangan atau agensi Kerajaan atau anak syarikat yang mana.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia telah menjual kepada Bank Negara Malaysia (BNM) sebidang tanah seluas 55.79 ekar yang terletak bersebelahan dengan

kompleks Sasana Kijang BNM. Kos pembelian tanah (bergantung kepada kaji ukur terperinci kawasan terlibat) sebanyak kira-kira RM2 bilion telah dibayar sepenuhnya oleh BNM kepada Kerajaan Malaysia melalui sebuah syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) iaitu Hartanah Mampan Sdn Bhd. Penilaian harga tanah ini adalah seperti yang dipersetujui bersama oleh BNM dan Kerajaan Malaysia berdasarkan penilaian semasa.

147
SOALAN 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI
JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BNIN ISLI [LABUAN]

TARIKH : 12 MAC 2018 (ISNIN)

SOALAN

Datuk Rozaman bin Isli [Labuan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

setakat suku pertama 2018, berapakah jumlah pemandu teksi yang telah berdaftar di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri dan apakah pendekatan proaktif Kerajaan dalam mempromosikan aplikasi e-hailing sebagai model ekonomi baharu berbanding operasi teksi secara konvensional.

SOALAN 57

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga 15 Februari 2018, seramai 3,071 pemandu iaitu 1,686 pemandu teksi, 158 pemandu Uber, 294 pemandu Grab dan 933 pemandu Kereta Sewa telah mendaftar dan mencarum dengan PERKESO di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 718). Kerajaan melalui PERKESO akan mempergiatkan promosi Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri ini dengan lebih meluas lagi untuk memastikan semua pemandu teksi mendaftar dan mencarum dengan PERKESO.

Di samping itu, melalui Pelan Transformasi Industri Teksi (TITP) yang telah diluluskan Kabinet pada Ogos 2017, pendekatan penggunaan teknologi dalam meningkatkan ketersediaan perkhidmatan adalah antara inisiatif yang dicadangkan dalam membantu mempromosikan aplikasi e-hailing sebagai model ekonomi baharu.

SOALAN 57

Pemandu-pemandu teksi konvensional digalakkan untuk memanfaatkan penggunaan teknologi dalam menyediakan perkhidmatan bagi memperbaiki mutu perkhidmatan dan memberikan fleksibiliti kepada pengguna. Pemandu teksi diberi pilihan untuk mendapatkan penumpang secara '*street hail*' dan '*e-hailing*' dengan pembayaran secara kadar bermeter atau menggunakan kadar tambang dinamik (menggunakan kadar tetap atas talian) jika mereka mendapatkan penumpang menggunakan perkhidmatan *e-hailing*.

SPAD telah mengadakan beberapa siri sesi libat urus bersama pemandu-pemandu dan syarikat-syarikat teksi dengan menekankan penggunaan teknologi dalam perkhidmatan yang dapat membantu menambah pendapatan. Disamping itu, SPAD juga telah mengadakan perjumpaan bersama pengendali-pengendali perkhidmatan *e-hailing*, dengan menekankan serta menggalakkan mereka untuk meluaskan penggunaan aplikasi *e-hailing* mereka kepada pemandu teksi.

Melalui Bajet 2018, Kerajaan juga telah mengumumkan insentif pemberian geran RM5000 kepada mana-mana pemandu teksi yang ingin bertukar kepada perkhidmatan *e-hailing*.

SOALAN 57

Dengan kewujudan inisiatif-inisiatif ini, ianya sedikit sebanyak telah membantu menggalakkan usahawan tempatan menceburi bidang teknologi yang baharu. Syarikat tempatan seperti Pick & Go, Zepp On dan EzCab juga telah mula menceburi perkhidmatan berdasarkan atas talian sebagai model ekonomi baharu. Sehingga ini, terdapat 22 syarikat e-hailing yang telah dikenalpasti, dan 10 daripadanya adalah yang aktif.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (58)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12 MAC 2018
[ISNIN]

DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN
[PARIT]

SOALAN :

YB DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN [PARIT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan pembinaan Projek Rapid Transit Sistem (RTS) Link dari Johor Bahru ke Singapura akan membawa era baru pembangunan ekonomi di kawasan selatan khususnya negeri Johor. Nyatakan faedah-faedah yang diperoleh Malaysia dari pembinaan RTS tersebut.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara faedah yang diperoleh Malaysia daripada pembinaan RTS Link dari Johor Bahru ke Singapura termasuklah mengurangkan kesesakan di Tambak Johor. Pada tahun 2016, dianggarkan sebanyak 315,000 penumpang melalui Tambak Johor sehari dengan purata masa perjalanan selama sejam satu arah. Dengan perhubungan terus antara stesen kereta api RTS Link Bukit Chagar di Johor Bahru dengan stesen Woodlands North di Singapura, iaanya akan membantu mengurangkan kesesakan di Tambak Johor serta menjimatkan masa perjalanan penumpang kepada 30 minit satu arah termasuk pelepasan kastam, imigresen dan kuarantin. RTS link akan membantu meningkatkan sosioekonomi rakyat, di mana rakyat dapat menikmati perkhidmatan kereta api metro yang boleh dipercayai dan mudah diakses, dengan kos yang efektif dan masa perjalanan yang lebih singkat. Selain itu, RTS link yang akan memudahkan perhubungan antara Johor dan Singapura juga akan membantu memusatkan ekonomi di Johor melalui sektor hartaanah dan perindustrian dengan menarik lebih banyak pelaburan

asing serta mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia. RTS link juga akan menyumbang kepada pembangunan sektor ekonomi yang lain termasuklah hospitaliti, pelancongan, pendidikan dan lain-lain.

Sekian, terima kasih.

12 Mac 2018